

'Syor lebih banyak autonomi diperuntuk untuk teknokrat'

Langkah pastikan keputusan babit dasar negara tiada kaitan sentimen, agenda politik

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Bangi: Lebih banyak autonomi wajar diperuntukkan kepada golongan teknokrat untuk menerajui percaturan berhubung dasar negara supaya setiap keputusan tidak terpitit dengan sentimen dan agenda politik.

Penasihat Penyelidik Institut Penyelidikan Khazanah (IKH), Prof Dr Jomo Kwame Sundaram, berkata sentimen dalam kalangan masyarakat ketika ini menyaksikan orang ramai tidak lagi mempertaruhkan kepercayaan terhadap kepimpinan kerajaan.

Katanya, hal itu berpunca daripada struktur kepimpinan kerajaan yang diterajui ahli politik dan sentiasa mencari laba kepentingan peribadi, berbanding menjana manfaat dan kesan positif untuk dinikmati rakyat.

"Oleh itu, wujud dilema mengenai siapa yang akan membawa 'obor reformasi' dalam keadaan sedemikian jika pembaharuan benar-benar ingin dirintis membabitkan dasar, inisiatif dan program berkaitan kerajaan.

"Reformasi seharusnya dipimpin teknokrat yang sentiasa sedar dan insaf, selain berada di luar lingkaran proses politik serta tidak mementingkan diri," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena Syarahan Canselor Tuanku Muhriz Keempat, di



Jomo menyampaikan ucapan sempena Syarahan Canselor Tuanku Muhriz Keempat, di UKM, Bangi, semalam. (Fotó Nurul Shafina Jemenon/BH)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Turut berkenaan beringkat, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahanud.

Jomo yang juga bekas ahli Majlis Penasihat Kerajaan, berkata penanda aras keberkesanan urus tadbir kerajaan dan kemajuan negara bukan sekadar berlandaskan kejayaan membasmi rasuah.

Katanya, takrifan mengenai kerajaan dengan urus tadbir yang baik seperti digariskan Bank Dunia meningkat saban tahun dan terbaru, organisasi berkenaan memperuntukkan 150 ciri dikedah.

"Kita perlukan reformasi tetapi ia perlu sesuai dengan keadaan, bukan buat apa yang berlaku pada masa lampau. Malung-

nya, kita terperangkap dengan masa lampau," katanya.

Sementara itu, Jomo berkata penyediaan makanan tengah hari yang sarat dengan khasiat dan dibekalkan menerusi produk tempatan wajar diperuntukkan di sekolah.

Ini kerana, program penyediaan sarapan diterajui Kementerian Pendidikan mulai Januari tahun depan sebagai tidak mencukupi, selain dibelenggu beberapa kepincangan.

Katanya, pemilihan sajian seperti susu daripada produk import untuk rancangan makanan itu mempunyai kandungan gula tinggi, sekali gus menyumbang kepada isu kekangan kos dan kesihatan murid.

"Rakyat tanpa disedari berdepan masalah kegemukan yang semakin meruncing, tetapi kita terus menafikan hakikat ini dengan tidak mengendahkan komponen makanan seharian.

"Sebenarnya, kajian menunjukkan sebilangan besar rakyat tidak mendapat zat makanan mencukupi, khususnya mineral dan kalsium yang menjadi penyumbang utama tumbesaran di peringkat awal usia.

"Oleh itu, berbanding hanya bekalkan sarapan, kita harus perluaskan program ini supaya mencakupi penyediaan makanan tengah hari di sekolah dan meliputi semua murid tanpa mengira latar belakang," katanya.

Berecap kepada pemberita selepas itu, Jomo ketika ditanya mengenai pengurusan kos, berkata Johor dengan kerjasama Kementerian Kesihatan ketika ini melaksanakan program perintis di negeri berkenaan dalam membekalkan makanan tengah hari di sekolah.

Katanya, kos penyediaan makanan tengah hari sarat dengan pelbagai khasiat utama mengikut piramid makanan bagi setiap murid sekitar RM2.40 berbanding RM3 untuk sajian sarapan oleh Kementerian Pendidikan.

"Masalah kita ialah kurangnya kerjasama antara Kementerian-berkaitan dalam melaksanakan program bermanfaat untuk rakyat seperti ini, justeru mereka harus tingkatkan aspek tadbir urus supaya menjana kesan yang lebih jitu.

"Mengenai kekangan kos, kita boleh beralih kepada produk tempatan yang dihasilkan petani dalam negara, berbanding meletakkan kebergantungan kepada produk import.

"Menerusi pendekatan ini, kita bakal memacu perkembangan industri pertanian tempatan, selain meningkatkan produktiviti dan sosio ekonomi mereka.

"Kandungan gula dan bahan lain dalam makanan juga berupaya dikawal kerana kawal penghasilan produk adalah mengikut pertimbangan kita sendiri," katanya.

Cadang sistem percukaian pintar ganti SST

Bangi: Kerajaan harus menggantikan Cukai Jual dan Perkhidmatan (SST) yang dilaksanakan sejak 1 September tahun lalu kepada sistem percukaian pintar.

Bekas ahli Majlis Penasihat Kerajaan, Prof Dr Jomo Kwame Sundaram, ketika mengutarakan cadangan itu mengahai masa semakin suntuk untuk kerajaan mengubah sistem percukaian negara, sempena pembentangan Belanjawan 2020, pada 11

Oktober ini.

Bagaimanapun, katanya, peralihan kaedah penjaan pendapatan untuk negara wajar bersandarkan sistem percukaian pintar yang berteraskan model lebih progresif.

"Saya terus membantah GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan), tapi saya rasa SST sendiri banyak kekurangan dan ia patut digantikan dengan sistem percukaian pintar.

"Bagaimanapun, masa sudah

Saya rasa SST sendiri banyak kekurangan dan ia patut digantikan dengan sistem percukaian pintar.

Prof Dr Jomo Kwame Sundaram,
Bekas ahli Majlis
Penasihat Kerajaan

suntuk dan saya rasa tiada guna untuk saya komen lebih daripada itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan sempena Syarahan Canselor Tuanku Muhriz Keempat, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Jomo yang juga pakar ekonomi, menegaskan penolakannya terhadap GST dan SST kerana kedua-dua sistem percukaian berkenaan bersandarkan kadar pengiraan serta tidak progresif.